

Adakah anda bersedia??

September 2024



Rajah 1. Seorang kesatria bersedia untuk bertempur



Rajah 2. Seorang pekerja bersedia untuk memulakan syif

Kita pernah melihat filem pahlawan era 1500-an bersiap sedia untuk bertempur. Mereka mengasah pedang, menguji perisai dan memakai baju besi serta topi keledar mereka. Para pemimpin menerangkan rancangan untuk konflik yang berikutnya dan mereka pergi ke tempat masing-masing menunggu permulaan pertempuran. Seseengah filem turut memaparkan askar memikirkan kecederaan atau lebih buruk yang mungkin berlaku. Mereka bersedia menghadapi cabaran hari itu.

Adakah anda bersedia untuk memulakan hari anda? Pada permulaan syif, pekerja memakai PPE mereka – cermin mata keselamatan, pakaian kalis api, but dan topi keselamatan. Kemungkinan keperluan untuk menentukur meter atau pemantau gas peribadi. Jadual pengeluaran dan tugas pemeriksaan telah digariskan oleh ketua unit dan dimaklumkan kepada pekerja semasa mesyuarat penyerahan syif dan permulaan syif.

Bahaya proses dan peralatan merupakan musuh dan pertempuran adalah dalam mengawalinya. Setiap hari melakukan rondaan, pemeriksaan, membaiki peralatan serta alat yang rosak atau gagal. Adakah kita mengambil pekerjaan dengan serius seperti pahlawan zaman dahulu? Semasa anda memakai PPE adakah anda turut memikirkan tentang bahaya yang anda akan hadapi hari ini?

Tahukah Anda?

- Perancangan adalah bahagian penting dalam setiap kerja yang selamat dan berjaya.
- Serahan syif yang berkesan hendaklah melibatkan perbincangan bersemuka antara kakitangan yang menamatkan syif dengan mereka yang memulakan syif.
- Mesyuarat serahan syif yang baik termasuk:
 - Status setiap proses
 - Sebarang gangguan atau masalah pengeluaran yang berlaku
 - Peralatan yang tidak berfungsi kerana penyelenggaraan
 - Sebarang peralatan atau kawalan yang dipintas atau tidak berfungsi
 - Sebarang kerja kontraktor sedang dijalankan
 - Kerja yang dibenarkan untuk diteruskan pada syif seterusnya
 - Pelawat atau pekerja di dalam unit dari kawasan loji yang lain
 - Samakan buku log unit
- Kemungkinan keperluan dalam melawat lapangan bagi melihat situasi sebenar yang sedang dibincangkan.
- Seseengah syarikat menggunakan senarai semak atau borang untuk menyenaraikan semua topik yang perlu dibincangkan semasa serahan syif.

Apa yang Boleh Anda Lakukan?

- Hadir di bilik kawalan atau kawasan serahan syif mengikut masa bagi membolehkan semua maklumat dibincangkan
- Baca buku log dengan teliti. Elakkan hanya melihat isu di kawasan anda, fahami situasi keseluruhan kawasan atau unit
- Teliti borang dan prosedur serahan syif bagi memastikan semua masalah dan kebimbangan dibincangkan
- Ajukan soalan bagi memastikan status proses semasa difahami dengan baik
- Sertai mesyuarat serahan syif secara aktif. Dengar seolah-olah keselamatan anda bergantung padanya – mungkin!
- Jika permit perlu ditulis semula untuk syif berikutnya, ambil masa untuk memeriksa kawasan tersebut sebelum menulis atau meluluskan permit. Kemungkinan keadaan semasa telah berubah

Mulakan hari anda dengan bersedia menghadapi cabaran yang mendatang!